

**LAJIM Ukin**

**DORI Efendi**

**ZAID Ahmad**

Universiti Putra Malaysia

## **DASAR PEMBANGUNAN DI INDONESIA DAN MALAYSIA: SUATU ANALISIS PERBANDINGAN**

### ***NATIONAL DEVELOPMENT POLICY IN INDONESIA AND MALAYSIA: A COMPARATIVE ANALYSIS***

*Artikel ini membincangkan pencapaian dasar pembangunan di Indonesia dan Malaysia, masing-masingnya di bawah pemerintahan Soeharto dan Mahathir Mohamad. Walaupun kedua-dua pemimpin mempunyai perbezaan yang ketara dalam penggubalan, gaya dan pelaksanaan dasar pembangunan bagi negara masing-masing, mereka dilihat berjaya dalam melaksanakan strategi pembangunan. Pendekatan atas bawah Soeharto dikenali sebagai pemodenan ala ketenteraan, berbeza dengan pendekatan pemodenan awam Mahathir. Kesan perbezaan dasar di antara kedua-dua pemimpin ini dapat dilihat ketika krisis kewangan melanda rantau Asia Tenggara pada tahun 1997-1998. Di Indonesia, Soeharto menerima tawaran bantuan dari IMF untuk menyelamatkan ekonomi Indonesia, manakala Mahathir pula menolak tawaran bantuan tersebut. Artikel ini meneroka kekuatan dan kelemahan dasar pembangunan setiap negara dengan tumpuan analisisnya adalah kepada krisis kewangan.*

**Katakunci:** dasar pembangunan, ekonomi, Soeharto, Mahathir Mohamad

*This article offers a comparative analysis of the national development policies of the Indonesian and Malaysian governments under the guidance of premier's Soeharto and Mahathir Mohamad respectively. Despite many distinct differences in the formulation, style and implementation of each country's development policies, both political leaders have been considered to have implemented successful development strategies. Soeharto's top-down approach known as military modernization contrasts most strikingly with Mahathir's public-driven civilian modernization method. The economic consequences of the two leader's differing ideological positions were witnessed most starkly during Southeast Asia's financial crisis of 1997 and 1998. In Indonesia, Soeharto accepted the IMF's help in order to salvage Indonesia's economy, but Dr. Mahathir rejected the same offer of assistance. The results were perhaps unexpected. Soeharto's*

*actions caused economic hardship and ultimately led to his political downfall, while Mahathir managed to restore Malaysia's economy. This article explores the comparative strengths and weaknesses of each country's developmental policies, with the financial crisis providing the focal point of the study.*

**Keywords:** *development policy, economy, Soeharto, Mahathir Mohamad*

## **Pengenalan**

Corak pentadbiran yang berbeza di Indonesia dan Malaysia semasa di bawah pemerintahan Soeharto dan Mahathir memberikan impak pembangunan ekonomi yang berlainan di kedua-dua negara. Pelbagai dasar-dasar ekonomi diperkenalkan oleh kedua-dua pemimpin untuk membangunkan sektor industri dan masyarakat yang merupakan asas utama kepada perkembangan ekonomi yang meningkat. Krisis kewangan yang melanda rantau Asia pada tahun 1997 turut memberi kesan terhadap kestabilan politik dan ekonomi khususnya kepada Indonesia dan Malaysia yang bergelut dengan usaha organisasi kewangan asing yang cuba untuk memainkan peranan melalui bantuan pinjaman kewangan. Tindakan Indonesia yang kali kedua meminta bantuan IMF pada tahun 1997 akhirnya menyebabkan urusan pentadbiran di bawah pemerintahan Soeharto ditentukan oleh institusi tersebut sehingga memberi kesan yang negatif terhadap perkembangan ekonomi Indonesia. Keadaan sebaliknya berlaku di Malaysia, apabila Mahathir sebagai Perdana Menteri (PM) menolak tawaran IMF untuk menyelesaikan masalah kemelesetan ekonomi.

Artikel ini membincangkan pencapaian pembangunan di Indonesia dan Malaysia semasa di bawah pentadbiran Soeharto dan Mahathir Mohamad. Antara yang menjadi fokus analisis ialah dasar pembangunan kedua-dua pemimpin dan kesan dasar pembangunan tersebut ke atas ekonomi negara. Selain itu, artikel ini juga membincangkan impak krisis kewangan Asia pada tahun 1997 ke atas politik di kedua-dua negara.

## **Pencapaian Pembangunan di Indonesia dan Malaysia di bawah Kepimpinan Soeharto dan Mahathir**

Perjalanan ekonomi Indonesia sepanjang kepimpinan Soeharto berada pada tahap memberangsangkan apabila berjaya mengurangkan kadar inflasi yang tinggi dari 600 peratus pada tahun 1966 kepada 7.1 peratus pada tahun 1981. Kejayaan Soeharto membangunkan ekonomi Indonesia telah mendapat pujian daripada World Bank dengan menggelarkan negara tersebut sebagai 'Harimau Asia' dalam laporan tahunannya yang dinamakan Keajaiban Asia Timur (Vatikiotis 1998:17). Di samping itu, kejayaan yang dikecapi oleh Indonesia turut menimbulkan pelbagai persepsi positif terhadap kepimpinan

Soeharto dalam meningkatkan perkembangan ekonomi Indonesia yang sedang merudum pada tahun 1966 sehingga kembali bangkit menjadi salah sebuah gergasi ekonomi Asia pada tahun 1980-an dan 1990-an.

Kejayaan Soeharto menangani inflasi yang melanda Indonesia adalah melalui tindakan pola transformasi struktural yang menumpukan kepada industrialisasi. Peningkatan pendapatan per kapita ekonomi dan dasar ekonomi Indonesia pada waktu pemerintahan Soeharto bergerak seiringan apabila Soeharto bertindak menukar matlamat polisi ekonominya dari sektor pertanian kepada sektor industri (Mudrajad Kuncoro 2007:2). Misalnya pada tahun 1968, sektor pertanian di Indonesia memberi sumbangan sebesar 51 peratus terhadap keseluruhan ekonominya, namun pada tahun 1980-an, sektor industri telah mengambilalih kedudukan utama dalam memberi sumbangan besar terhadap perkembangan ekonomi di Indonesia sehingga pada hari ini. Menurut Hill (1996:31), peranan organisasi antarabangsa merupakan faktor utama yang menggerakkan pertumbuhan ekonomi Indonesia bermula pada tahun 1967-1973. Perubahan ini kemudiannya menyebabkan berlakunya proses liberalisasi di dalam semua sektor industri.

Semasa pentadbiran Soeharto, pelbagai organisasi antarabangsa seperti World Bank, International Monetary Fund (IMF), Asian Development Bank (ADB), Swiss Bank, American Bank menawarkan bantuan kewangan kepada Indonesia. Melalui bantuan antarabangsa tersebut, kestabilan ekonomi Indonesia bertambah kukuh. Di samping itu, kehadiran pelabur-pelabur asing juga meningkat disebabkan oleh faktor penggubalan Undang-undang Penanaman Modal Asing (UU PMA) No. 1 tahun 1967 yang bertindak melindungi kumpulan pemodal. Undang-undang ini memberikan perlindungan dan jaminan kepada kumpulan pelabur untuk membangunkan sektor industri di Indonesia, termasuk manfaat tanpa penyerahan keuntungan yang besar kepada pihak kerajaan (Hollinger 1996:26). Penggubalan undang-undang ini berjaya menarik minat syarikat-syarikat besar dunia yang melihat peluang untuk bertapak di Indonesia dengan memperolehi keuntungan yang besar. Keadaan ini terbukti apabila beberapa syarikat besar antarabangsa seperti Caltex di Provinsi Riau, Total di Provinsi Kalimantan Timur dan lain-lain mengambil peluang untuk melaburkan modalnya di Indonesia (Hollinger 1996:27).

Selain itu, Soeharto bukan hanya membangunkan semula ekonomi Indonesia dari konteks meliberalisasi ekonomi dan kerjasama antarabangsa, malah turut dipengaruhi oleh kenaikan harga bekalan minyak di peringkat antarabangsa yang dikenali sebagai Bonanza Minyak atau *Oil Boom*. Kenaikan harga bekalan minyak mentah daripada AS\$2.95 kepada AS\$12.50 per tong pada tahun 1970-an telah memberi keuntungan yang besar kepada negara-negara pengeluar minyak mentah, termasuklah Indonesia. Keuntungan hasil jualan minyak mentah tersebut telah berjaya menurunkan kadar inflasi sehingga 0.00 peratus pada tahun 1973 (Arndt 1990:129). Kemunculan keadaan bonanza minyak di Indonesia dilihat sebagai kejayaan kedua kerajaan

pimpinan Soeharto setelah berjaya meliberalisasikan ekonomi di Indonesia bermula pada pertengahan sehingga akhir tahun 1960-an. Ketika harga bekalan minyak mentah berada pada kadar yang tinggi, kerajaan Indonesia pada waktu tersebut tidak memberikan perhatian kepada usaha-usaha untuk mengembangkan industri-industri yang menumpukan kepada eksport yang berdaya saing antarabangsa. Era *oil boom* telah dimanfaatkan sepenuhnya oleh Soeharto untuk mengembangkan sektor pertanian dan kemudahan fizikal serta pembangunan sosial khususnya dalam bidang pendidikan dan kesihatan masyarakat.

Meskipun, ekonomi Indonesia kembali pulih hasil kenaikan harga minyak (1971-1981) dan perkembangan industri dalam negara, namun kejayaan tersebut tidak lama. Ini kerana berlaku penurunan harga minyak daripada AS\$35 per tong pada awal tahun 1982 kepada AS\$28 pada Februari 1986. Malah pada bulan Ogos 1986, penurunan harga berlaku secara drastik sehingga mencecah kadar yang terendah iaitu AS\$9.83 per tong. Penurunan harga bekalan minyak mentah di peringkat dunia pada waktu tersebut berlaku akibat kemerosotan pengeluaran di negara-negara industri maju. Keadaan ini menyebabkan permintaan bekalan minyak di peringkat antarabangsa menurun daripada 32-40 juta tong sehari pada akhir tahun 1982 kepada 16-17 juta tong pada tahun 1983. Selepas penurunan harga 1982-1983, kadar pendapatan Indonesia turut merosot kepada 45.46 peratus pada tahun 1986-1987. Keadaan tersebut menyebabkan pendapatan kerajaan yang bukan berasaskan kepada sektor penjualan minyak dan gas meningkat lebih daripada 100 peratus dari sekitar 17 peratus pada tahun 1980-1981 menjadi 38 peratus pada tahun 1986-1987. Kemerosotan jumlah pengeluaran dan penjualan minyak pada waktu tersebut telah memberi kesan negatif terhadap perkembangan pembangunan ekonomi Indonesia iaitu daripada AS\$24.1 billion kepada AS\$17.55 billion selama tujuh tahun (Arndt 1990:42). Walaupun perkembangan ekonomi Indonesia mengalami kedudukan yang menurun, namun Soeharto telah berjaya membawa Indonesia keluar dari kemelut krisis ekonomi dengan mempraktikkan sistem ekonomi terbuka.

Perkembangan pembangunan ekonomi di Malaysia pula berbeza daripada keadaan yang berlaku di Indonesia. Walaupun dasar pembangunan Malaysia di bawah pentadbiran Mahathir pada mulanya menghadapi pelbagai halangan dengan jatuhnya harga komoditi, namun beliau bertindak mempelbagaikan kegiatan ekonomi negara untuk mengurangkan pergantungan Malaysia terhadap bahan komoditi. Strategi yang diambil oleh Mahathir turut didasari oleh pencapaian Dasar Pandang ke Timur yang diyakini dapat merubah sikap dan persepektif rakyat Malaysia yang pelbagai dalam rancangan pembangunan Malaysia. Dalam mengamalkan Dasar Pandang ke Timur, Mahathir telah memberi tumpuan kepada aspek kerajinan dan disiplin kerja, kesetiaan kepada negara dan syarikat tempat bekerja yang mengutamakan kepentingan kumpulan dan bukan kepentingan diri sendiri (Mahathir 1990:30).

Walaupun Dasar Pandang ke Timur berjaya meningkatkan pencapaian dan pembangunan ekonomi Malaysia, pada masa yang sama beliau juga berjaya membangunkan Malaysia menjadi negara industri yang aktif. Rancangan tersebut bermula daripada Dasar Persyarikatan iaitu dasar di mana Malaysia diandaikan sebagai sebuah syarikat dan rakyatnya sebagai pekerja serta pemegang saham.

Dasar Penserikatan Malaysia telah berjaya meningkatkan prestasi, daya pengeluaran serta imej negara, terutamanya dengan membangunkan industri automotif negara bagi mengeluarkan kereta dan motosikal nasional berjenama Malaysia. Kejayaan ini adalah hasil daripada komitmen Malaysia membina hubungan baik dengan negara Jepun iaitu dengan kerjasama teknologi industri automotif Proton dengan Mitshubishi. Kepercayaan negara Jepun terhadap Malaysia adalah tinggi sehingga negara itu bertindak membantu Malaysia dalam pelbagai sektor automobil dan industrialisasi yang dirancang oleh negara. Kepercayaan negara Jepun juga turut disumbangkan oleh tindakan kerajaan Malaysia yang sanggup menjadi rakan perdagangan dengan membekalkan bahan mentah kepada Jepun dalam bidang industri berat. Di samping itu, kestabilan politik merupakan faktor utama yang menjadi dorongan kepada syarikat-syarikat Jepun untuk melaburdi Malaysia.

Impak positif daripada keyakinan Jepun terhadap rancangan pembangunan Malaysia semakin jelas apabila pada tahun 1986 apabila beberapa syarikat Jepun di Singapura bertindak memindahkan kilang-kilangnya ke Johor Baru. Keberkesanan kerjasama industri Jepun dengan Malaysia juga disebabkan oleh kedua-dua negara tersebut memiliki institusi birokrasi cekap. Meskipun Malaysia memiliki sistem pengurusan yang cekap ianya juga didokong oleh peranan negara yang memupuk ideologi pembangunan kepada rakyat untuk bekerjasama memajukan sektor industri. Dalam konteks Malaysia, dasar pembangunan menjadi wacana utama kerajaan untuk menuju negara maju dan pada masa yang sama memerlukan sokongan rakyat untuk mewujudkan kestabilan politik bagi tujuan pengumpulan modal (Sity Daud 2006:161).

Langkah yang dilakukan oleh Mahathir untuk menjalankan proses transformasi bidang teknologi semakin mencapai kejayaan bermulapada pertengahan tahun 1990an. Selain projek kereta nasional, satu lagi projek mega hasil cetusan beliau ialah Koridor Raya Multimedia (Multimedia Super Corridor, MSC). Projek ini dirancang dan direalisasikan bagi meletakkan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang seiringan dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam dunia perdagangan masa kini dan masa hadapan. Selain MSC, beberapa projek besar yang dibangunkan semasa pentadbiran beliau ialah Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Stadium Nasional Bukit Jalil, Litar Antarabangsa Sepang (kompleks sukan permotoran berprestij Formula One) dan Menara Berkembar Petronas (KLCC). Projek-projek ini secara tidak langsung berjaya meletakkan

Malaysia sebagai sebuah negara sedang membangun yang dikenali dunia, malah corak pentadbiran dan ketegasan yang ditunjukkan oleh Mahathir semasa menjadi PM adalah penyumbang kepada penghormatan oleh negara-negara asing kepada Malaysia (Junaidi Abu Bakar 2006:96).

Sepanjang tempoh usaha yang dijalankan oleh Mahathir untuk membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara maju, beliau tidak pernah mengeneipkan usaha untuk meningkatkan ekuiti ekonomi kaum Melayu. Usaha untuk meningkatkan ekuiti kaum Melayu merupakan agenda utama beliau untuk mewujudkan keseimbangan pendapatan kaum Bumiputera yang tertinggal jauh dari kaum Cina. Menurut Mahathir, rancangan untuk meningkatkan penglibatan kaum Melayu telah berlaku secara perlahan semenjak kepimpinan Tunku Abdul Rahman dan kerajaan sebelumnya gagal melaksanakan program-program politik, sosial dan ekonomi yang berpihak kepada kaum Bumiputera (Chamil Wariya 1998:175). Keadaan ini tercetus kerana pada ketika itu kerana kaum Bumiputera hanya menguasai 2.6 peratus ekonomi, manakala kaum Cina menguasai 30 peratus dan selebihnya di kuasai pemodal asing. Oleh sebab itu, selepas peralihan kuasa kepada Mahathir sebagai PM pada tahun 1981, dasar pembangunan modenisasi segera dilaksanakan melalui kaedah kapitalisme industri. Pentadbiran beliau telah melancarkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bermatlamatkan membentuk Melayu Baru atau *new class of Malay capitalism* dalam era yang moden.

Kejayaan Dr. Mahathir memajukan kaum Bumiputera adalah melalui dasar-dasar negaranya, maka pada tahun 1983 dalam pembentangan kertas kerja negara, beliau mendedahkan kejayaan kerajaan meningkatkan ekuiti kaum Melayu daripada 18 peratus kepada 23 peratus (Abdul Rahman Abdul Aziz & Mustapa Kasim 2009:72). Walaupun Mahathir berjaya meningkatkan ekuiti kaum Melayu, langkah tersebut juga telah menimbulkan kritikan dari sekumpulan pihak yang mempertikaikan kejayaan meningkatkan ekuiti kaum Melayu yang sebenarnya hanya dinikmati oleh sekumpulan jutawan sahaja iaitu kaum Melayu yang aktif dalam politik UMNO dan ahli keluarga mereka. Beberapa individu yang dikaitkan dengan UMNO telah mendapat keuntungan hasil dasar yang diperkenalkan oleh Mahathir tersebut misalnya Daim Zainuddin (pengarah Fleet Holdings), Tun Wan Azmi Wan Hamzah (pengarah Peremba dan Malaysian French Bank), Datuk Tajudin Ramli (pengarah Control of the Corporate Sector). Tindakan Mahathir melantik Daim Zainudin sebagai pengerusi Fleet Holding (syarikat kumpulan UMNO) adalah kerana Daim merupakan ahli perniagaan kaum Melayu yang paling berjaya pada waktu tersebut (Gomez 1990:36).

Analisis di atas menunjukkan kejayaan Mahathir membangunkan ekonomi Malaysia adalah berpunca daripada dasar-dasar realistik dan tepat dengan suasana pembangunan masyarakat di negara ini. Di samping itu, kejayaan beliau mengangkat ekuiti Melayu merupakan agenda penting yang dirangka dan dirancang oleh beliau sepanjang pentadbirannya sebagai PM.

Perancangan yang teliti beliau dibantu dengan sikap optimis masyarakat Melayu mampu menjadi usahawan yang berjaya dengan membentuk satu paradigma Melayu Baru sehingga berjaya meningkatkan ekuiti kaum Melayu daripada 2.6 peratus kepada 18 peratus pada tahun 1983. Kejayaan ini menandakan usaha kerajaan tidak sia-sia apabila kaum Melayu mampu turut serta dalam sektor korporat yang berskala besar dengan melibatkan jaringan antarabangsa. Oleh itulah, dasar pembangunan Mahathir telah berjaya meletakkan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang menuju ke arah negara maju. Masyarakat Bumiputera tidak lagi tertinggal seperti keadaan sebelumnya dan industri negara berjaya dibangunkan dengan giat sehingga menarik pelabur-pelabur asing untuk turut serta menyertai pembangunan sektor industri di Malaysia.

Jika dibandingkan dengan kepimpinan Soeharto di Indonesia, satu yang pasti ialah kedua-dua pemimpin berjaya melakukan transformasi ekonomi ke arah kejayaan pembangunan negara, namun terdapat perbezaan pencapaian pembangunan ekonomi yang ketara. Dasar pembangunan rejim Orde Baru Soeharto lebih bergantung kepada bantuan luar negeri dan kenaikan harga minyak dunia, manakala dasar pembangunan Mahathir lebih mengutamakan kerjasama yang sinergik.

### **Krisis Ekonomi 1997-1998 dan Strategi Kerajaan Menanganinya**

Dalam tempoh di antara tahun 1997 dan tahun 1998 ekonomi negara-negara di Asia Timur dan Asia Tenggara mengalami kemelesetan yang terburuk akibat teretusnya krisis matawang. Negara-negara di wilayah Asia Tenggara seperti Indonesia dan Malaysia turut menerima tempias akibat teretusnya peristiwa kemelesetan ekonomi tersebut sehingga menggugat kestabilan ekonomi negara. Di Indonesia, nilai rupiah mengalami kejatuhan yang merudum sehingga mencecah 80 peratus kerana kegagalan kerajaan membendung pasaran kewangan dan pada waktu yang sama turut mempengaruhi sektor industri tempatan. Pertumbuhan ekonomi Indonesia mengalami kemerosotan yang terburuk sehingga mencecah pada angka -13.6 peratus dan kadar inflasi meningkat sehingga 65 peratus (Hill 1996:34).

Secara kronologinya, krisis ekonomi tahun 1997 berpunca daripada terjunannya mata wang Thailand (bath) di pasaran antarabangsa sehingga mengakibatkan pemodal asing hilang kepercayaan dan kemudiannya bertindak menarik modal pelaburan mereka keluar secara tiba-tiba dari Thailand. Kehilangan keyakinan pemodal asing tersebut berlaku dalam waktu singkat dan seterusnya tersebar ke negara-negara lain di rantau Asia Tenggara. Indonesia dan Malaysia merupakan dua daripada beberapa buah negara di rantau Asia Tenggara menerima impak secara langsung akibat daripada kejatuhan nilai bath Thailand pada waktu tersebut. Rentetan daripada peristiwa kejatuhan nilai bath tersebut, mata wang rupiah Indonesia kemudiannya turut menerima nasib yang sama apabila turut mengalami kejatuhan di pasaran antarabangsa daripada

Rp2,300 per AS\$1 kepada Rp2,682 per AS\$1 dan keadaan ini terus berlanjutan hingga awal tahun 1998 (Deliarnov 2006:79). Keadaan semakin bertambah buruk apabila syarikat-syarikat milik rakyat Indonesia yang berhutang kepada pemodal asing diberi tekanan untuk menyelesaikan hutang-hutang mereka dalam tempoh yang segera sehingga menyebabkan permintaan dolar Amerika Syarikat melambung tinggi.

Kejatuhan nilai rupiah Indonesia yang berterusan menyebabkan kerajaan Indonesia bertindak seperti kerajaan Thailand dengan memohon pinjaman kewangan daripada International Monetary Fund (IMF). Bantuan pertama yang diperolehi Indonesia daripada IMF ialah bernilai AS\$40 bilion dan AS\$23 juta dolar sebagai bantuan pada peringkat pertama. Tindakan kerajaan Indonesia yang memohon bantuan kewangan yang besar adalah untuk memulihkan ekonomi dan mengembalikan keyakinan pelabur asing terhadap nilai rupiah. Malah untuk menjayakan pemulihan di Indonesia, Soeharto telah bersetuju untuk menerima syarat IMF melalui skim pinjaman *letter of intents* untuk membebaskan pasaran dan mengurangkan campur tangan pemerintah Indonesia dalam pasaran ekonomi (Arief Budiman 2006; Baskara 2007).

Selain itu, kerajaan juga melaksanakan dasar kewangan yang bersifat menyekat peredaran wang dengan menaikkan faedah pinjaman sehingga suku peratus agar dapat menstabilkan mata wang rupiah dalam pasaran antarabangsa. Dasar tersebut dilaksanakan dengan mengurangkan jumlah pengeluaran dan menambahkan pendapatan dalam negara iaitu menilai semula projek-projek pembangunan dan mengurangi subsidi ke atas projek-projek yang tidak strategik. Namun, tindakan memohon pinjaman IMF bagi menyelesaikan krisis kewangan merupakan langkah tidak tepat kerana IMF meletakkan syarat agar kadar faedah dinaikkan sehingga 70 peratus untuk mencegah pengaliran modal keluar negara. Selain itu juga, langkah mengurangkan pemberian subsidi juga merupakan tindakan yang tidak tepat kerana krisis ekonomi pada tahun 1997 telah menyebabkan daya beli masyarakat menurun (Deliarnov 2006:79). Oleh itu, dasar tersebut hanya menyebabkan perkembangan ekonomi Indonesia menjadi lebih merosot dan sukar untuk dipulihkan.

Dasar yang kewangan yang dilaksanakan di Indonesia pada waktu tersebut juga telah mencetuskan tindakan kerajaan untuk merombak semula institusi kewangan di Indonesia. Pada bulan November 1997, kerajaan telah bertindak menarik semula pelbagai lesen perkhidmatan yang diberikan kepada 16 buah bank yang mengalami masalah tanpa memberikan jaminan simpanan kepada pengguna di bank-bank tersebut. Dasar kerajaan tersebut telah menyebabkan rakyat menjadi panik secara tiba-tiba kerana berlakunya pembekuan dana bank oleh kerajaan secara besar-besaran. Bagi mengurangkan kesan negatif daripada krisis ekonomi tersebut, maka kerajaan menggubal satu lagi dasar reformasi struktur dan liberalisasi untuk menyesuaikan dengan kepentingan pasaran supaya ekonomi Indonesia lebih terbuka, terutamanya kepada pemodal-pemodal di peringkat tempatan dan antarabangsa. Kerajaan



Indonesia juga telah bertindak mempercepat proses reformasi tersebut melalui reformasi perdagangan dan pelabur yang meliputi pemansuhan dasar monopoli, pengendalian harga dan tarif. Selain itu juga, kerajaan turut memberikan lebih banyak ruang kebebasan kepada pelabur dan penyertaan modal asing dalam ekonomi dan sektor kewangan tempatan.

Namun, dasar yang diperkenalkan dan dilaksanakan di Indonesia tidak berjaya memberikan satu perubahan yang drastik terhadap perkembangan ekonomi di negara tersebut pada era pentadbiran Soeharto. Kegagalan kerajaan memulihkan semula ekonomi pada waktu tersebut menyebabkan timbulnya keresahan politik dan sosial yang semakin luas dalam kalangan rakyat sehingga mencetuskan krisis politik dan sosial yang tidak terkawal. Keadaan politik di Indonesia semakin meruncing menjelang tahun 1998, apabila berlakunya rusuhan antara tentera dengan mahasiswa dan rakyat yang menuntut Soeharto meletakkan jawatan sebagai Presiden Indonesia. Penentangan oleh rakyat ini berjaya mendesak Soeharto untuk meletakkan jawatannya pada 21 Mei 1998, dan kedudukan beliau kemudiannya digantikan oleh B.J. Habibie. Keadaan ini menjelaskan dasar ekonomi di bawah kepimpinan Soeharto gagal membangunkan negara dan pada masa yang sama menyebabkan kestabilan negara terancam.

Di samping itu, krisis kewangan pada tahun 1997 juga telah memberi impak yang besar terhadap kestabilan ekonomi, politik dan sosial di Malaysia. Keadaan ini tercetus apabila berlakunya kejatuhan nilai mata wang bath Thailand yang tidak terkawal pada 2 Julai 1997. Akibatnya, Malaysia turut menerima tempas kejatuhan nilai mata wang bath sehingga memaksa Bank Negara melakukan campur tangan agresif terhadap pasaran wang tempatan pada 8 Julai 1997. Sebelum berlakunya campur tangan oleh Bank Negara, nilai ringgit merosot sehingga RM2.64 per AS\$1 berbanding nilai sebelum krisis iaitu RM2.94 per AS\$1. Manakala indeks komposit di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) pula menjunam daripada 1,300 mata kepada 500 mata dalam tempoh yang relatif sama (Jomo 2003:182). Sebulan sebelum kejatuhan nilai mata wang ringgit berlaku, Malaysia mencatat pengurangan jumlah perdagangan sebanyak RM2.8 bilion dan berlakunya urus niaga pada tahap terendah selama 22 bulan di BSKL. Kemerostan ini menandakan wujudnya tekanan yang hebat terhadap nilai mata wang ringgit pada setiap bulan yang berikutnya.

Campur tangan Bank Negara melalui penjualan dolar AS dan menaikkan kadar faedah ringgit sebanyak 50 peratus per tahun gagal menamatkan kemerostan nilai mata wang ringgit. Kegagalan ini memaksa Bank Negara pada 14 Julai 1997 menghentikan campur tangan dan membebaskan nilai mata wang ringgit sepenuhnya kepada mekanisme pasaran. Sepuluh hari kemudian, nilai ringgit telah jatuh seperti yang dijangkakan dan mencapai nilai yang terendah dalam sejarah ekonomi Malaysia sejak DEB, iaitu RM2.65 per AS\$1. Namun angka ini tidak kekal berada pada paras terendah sebaliknya nilai ringgit terus merosot beberapa bulan kemudian sehingga mencapai angka

3.14 per AS\$1 pada bulan September 1997 (Jomo 2003:183). Setahun sebelum Malaysia mengalami kejatuhan nilai mata wang ringgit, negara ini berada dalam kedudukan kedua negara industri baru yang sedang bergerak menuju status negara-negara industri maju. Namun, krisis kewangan tersebut telah menyebabkan Malaysia terpaksa berada di ambang negara-negara miskin dan berstatus mufis.

Hutang luar negara Malaysia pada waktu tersebut telah meningkat kerana perbezaan nilai tukaran mata wang, iaitu daripada AS\$98.8 bilion di tahun 1997 kepada AS\$166.2 bilion pada akhir tahun yang sama dan berkembang menjadi AS\$171.8 bilion pada tahun 1998 (Abdul Rahman Embong 2005:135). Sebahagian besar bank-bank tempatan berada pada kedudukan yang terancam untuk menerima status mufis kerana terlibat dengan hutang dalam mata wang dolar AS dan kekurangan perdagangan di peringkat domestik. Pelbagai kegiatan industri semakin merosot dan terhenti, malah pada masa yang sama telah menyebabkan kadar pengangguran semakin meningkat. Pertumbuhan ekonomi di Malaysia pada waktu tersebut mengalami penurunan dan berlakunya perkembangan yang negatif. Ratusan kilang dan perusahaan yang sebahagian besarnya dimiliki oleh pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional berpotensi untuk diisytiharkan mufis.

Secara teoritikalnya, tidak terdapat banyak pilihan yang boleh diambil untuk mengatasi krisis ekonomi yang melanda negara-negara di rantau Asia Tenggara pada waktu tersebut. Di antara pilihan utama yang ada pada waktu tersebut ialah memohon pinjaman kewangan daripada organisasi IMF dan akur kepada syarat-syarat yang dikemukakan oleh badan kewangan tersebut. Melalui proses pinjaman yang diberikan oleh IMF, badan tersebut telah menyenaraikan beberapa prosedur pinjaman antaranya penghematan belanja kerajaan, penetapan kadar faedah pinjaman yang tinggi, liberalisasi ekonomi, penswastaan dan ketelusan dalam pengurusan. Terdapat empat faktor utama yang mencetuskan krisis ekonomi Asia pada tahun 1997. Pertama, wujudnya jurang fenomena produktiviti (*productivity gap*) yang berkait rapat dengan kelemahan pengurusan aset ataupun faktor peneluaran. Negara yang diperintah dan dikuasai oleh kerajaan yang bercorak autokratik sering memanipulasi golongan buruh dengan bayaran gaji yang murah dan mengabaikan kepentingan penguasaan teknologi. Kedua, fenomena ketidakseimbangan (*disequilibrium trap*) yang berkait rapat dengan ketidakseimbangan struktur melibatkan sektor pengeluaran. Negara-negara yang sedang berada dalam proses industrialisasi memerlukan keadaan yang kondusif misalnya sikap usahawan yang baik, sumber manusia yang berkualiti, penguasaan teknologi, institusi kewangan yang berjalan dengan baik, budaya menabung dan sebagainya. Namun, kecenderungan sebaliknya berlaku di negara-negara sedang membangun sehingga mencetuskan ketidakseimbangan antara sektor pengeluaran. Ketiga, fenomena kebergantungan pada hutang luar negara (*loan addiction*) yang menghubungkan dengan tindakan pemodal-

pemodal yang cenderung menggunakan dana dalam bentuk mata wang asing (*foreign currency*). Terakhir, ialah peranan aktor-aktor asing dalam melakukan spekulasi kewangan untuk memperoleh keuntungan yang berlipat kali ganda.

Selaku PM dan Menteri Kewangan, Mahathir dan Anwar melihat krisis kewangan yang berlaku di Malaysia berpunca daripada salah satu faktor yang dijelaskan. Menurut Mahathir, krisis kewangan yang melanda Malaysia disebabkan oleh faktor luaran, manakala bagi Anwar punca krisis adalah sebaliknya. Oleh itulah, pada 26 Julai 1997, Mahathir buat kali pertama menyerang secara terbuka penyangak-penyangak mata wang asing sebagai penyebab krisis kewangan di wilayah Asia. Serangan Mahathir terhadap penyangak-penyagak mata wang asing berlarutan sehingga berlakunya pertemuan tahunan IMF dan Bank Dunia di Hong Kong pada akhir bulan September 1997. Kedua-dua pemimpin Malaysia tersebut turut dijemput hadir untuk membentangkan kertas kerja masing-masing pada forum tersebut yang turut dihadiri oleh George Soros.<sup>1</sup> Dalam forum yang dijalankan tersebut, Mahathir mengambil tindakan mengejut dengan menyebut krisis ekonomi Asia sebagai sebuah krisis ekonomi yang dimanipulasi (*a manipulated economic crisis*) dan ‘menyerang’ Soros secara terbuka. Krisis kewangan Asia dilihat oleh Mahathir sebagai peristiwa hitam yang mengejutkan dan dimanfaatkan oleh negara-negara maju (Barat) untuk memperlahankan perkembangan ekonomi negara-negara di wilayah Asia Tenggara.

Menurut Mahathir lagi, tindakan negara-negara maju tersebut merupakan sebuah bentuk kolonialisme baru ke atas negara sedang membangun di bawah payung globalisasi dan berjaya dilakukan melalui bantuan ekonomi atau hutang luar negara. Ini kerana hutang luar negara di negara tersebut telah menyebabkan kebergantungan negara-negara tersebut untuk tempoh yang lama. Di samping itu juga, hutang luar negara merupakan salah satu sumber rasuah bagi kakitangan kerajaan di negara sedang membangun dan fenomena ini sengaja dibiarkan oleh pihak yang memberi hutang kerana pertama, dapat menciptakan sebuah kebergantungan berterusan, dan kedua, menutup peluang-peluang pemimpin negara membangun untuk bersuara mengenai keburukan IMF dan Bank Dunia. Gejala rasuah kakitangan kerajaan di negara-negara sedang membangun, termasuk Malaysia, hutang luar negara yang sengaja dibiarkan oleh IMF dan Bank Dunia merupakan peluang yang digunakan oleh negara-negara maju untuk menjajah negara-negara sedang membangun dalam bentuk yang baru.

Selaku Menteri Kewangan, Anwar Ibrahim telah mengambil dua langkah untuk mengatasi krisis ekonomi Malaysia pada waktu tersebut. Pertama, melaksanakan pakej ekonomi pada 5 Disember 1997 dengan melakukan tindakan berikut: (i) menyemak kembali angka pertumbuhan tahun 1998 daripada 7 peratus kepada 4-5 peratus per tahun, (ii) mengurangkan angka defisit anggaran daripada 5 peratus kepada 3 peratus daripada KDNK, (iii) memperketat perbelanjaan kerajaanpusat sebanyak 18 peratus, (iv)

mengenakan peraturan yang lebih ketat bagi pelaburan baru, (v) menghentikan projek mega yang tidak strategik, (vi) meningkatkan keupayaan institusi milik kerajaan bagi mengelakkan *bail-out* tidak bermanfaat dan (vii) gaji semua menteri dipotong 10 peratus. Kedua, berkenaan pakej ekonomi 24 Mac 1998, beberapa langkah dilakukan oleh Anwar untuk membendung krisis dari terus bertambah buruk, antaranya: (i) mengejar angka realistik pertumbuhan ekonomi Malaysia tahun 1998 menjadi 2-3 peratus, lebih kecil dibandingkan angka pertumbuhan 4-5 peratus yang diumumkan pada bulan Disember 1997, dan (ii) Bank Negara merancang untuk memusatkan kegiatan perbankan melalui penggabungan 20 buah bank (Hilley 2001:95).

Menurut Funston (1999:169), tindakan yang dilakukan oleh Anwar inilah yang menyebabkan hubungan Mahathir dengan Anwar menjadi semakin renggang kerana dilihat mengganggu aktiviti-aktiviti kroni Mahathir. Misalnya Anwar bertindak untuk tidak menyelamatkan syarikat konglomerat yang dikuasai Halim Saad yang sedang mengalami masalah kewangan. Selain itu, Anwar telah merancang untuk mendedahkan gejala rasuah dalam kerajaan yang juga menurutnya adalah salah satu punca kemelesetan ekonomi tahun 1997. Bermula pada pertengahan tahun 1997 hingga pertengahan tahun 1998, akhbar-akhbar tempatan yang dikuasai oleh kroni-kroni Anwar bertindak menyiarkan pelbagai artikel yang mempersoalkan dasar politik dan ekonomi di bawah pentadbiran Mahathir (Funston 1999:169). Berdasarkan kepada perkembangan ini, Mahathir melihat tindakan Anwar merupakan langkah untuk mencabar kedudukannya sebagai PM dan ketua kepada beliau. Oleh itu, Mahathir telah bertindak menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), iaitu sebuah badan khas untuk menangani krisis ekonomi yang diketuai oleh Daim Zainuddin. Tindakan Mahathir melantik Daim mengetuai institusi tersebut kerana kegagalan kedua-dua pakej rancangan Anwar, untuk menamatkan ketidakstabilan nilai tukar ringgit terhadap dolar AS dan memulihkan ekonomi Malaysia. Kegagalan rancangan Anwar ini kemudiannya mendorong Mahathir untuk campur tangan dan menerapkan dasar ekonomi pilihannya, iaitu campur tangan secara langsung. Selain itu, beliau juga lebih memilih dasar ekonomi nasionalistikberbanding dasar ekonomi neoliberal yang mengutamakan tindakan menyelamatkan syarikat-syarikat tempatan.

Pada waktu tersebut, Daim Zainuddin merupakan individu penting dan penyokong utama dasar Mahathir untuk menyelamatkan syarikat-syarikat besar Malaysia, kerana kebanyakan pemegang-pemegang saham dalam syarikat terbabit merupakan elit politik dalam BN dan UMNO. Oleh sebab itulah, pada Julai 1998, Mahathir mengumumkan pakej ekonominya yang dikenal dengan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN) yang telah dirangka oleh MTEN. Pembentukan MTEN dan pemilihan Daim Zainuddin ke dalam institusi tersebut menunjukkan isyarat kekecewaan Mahathir terhadap dasar ekonomi Anwar (Hilley 2001:98).

Di samping itu, semasa Malaysia berada dalam tempoh kegawatan

ekonomi pada tahun 1998, Dr. Mahathir mengambil langkah berani dan mengejutkan dunia apabila melaksanakan kawalan ketat terhadap nilai matawang ringgit dipasaran kepada pertukaran asing terpilih (*selective exchange control regime*). Langkah-langkah ini bertujuan mencegah manipulasi dan spekulasi berlebihan ke atas matawang ringgit di samping membenarkan Bank Negara mencari sebuah dasar kewangan yang sesuai untuk memulihkan ekonomi Malaysia. Langkah-langkah ini secara efektif berjaya menghalang perdagangan ringgit dan kerajaan telah menetapkan kadar tukaran pada RM3.80 ringgit berbanding AS\$1 dollar (Ooi Kee Beng 2006:75-78). Bagi memulihkan keyakinan dalam pasaran kewangan, kerajaan juga telah mengumumkan rancangan untuk menanggukandan menjadual semula beberapa projek mega seperti lapangan terbang wilayah utara, Bandaraya Linear Kuala Lumpur dan Putra Jaya (Chamhuri Siwar & Surtahman Kastin Hasan 1999:97).

Meskipun Mahathir menggunakan pendekatan kawalan ketat terhadap nilai ringgit ke atas mata wang asing terpilih, namun kejayaan memulihkan ekonomi Malaysia adalah kerana tindakan Mahathir untuk menolak bantuan IMF. Tindakan menolak tawaran pinjaman kewangan daripada IMF berdasarkan kepada alasan wujudnya ketidaksefahaman beliau terhadap syarat-syarat pinjaman IMF dalam menangani krisis ekonomi. Menurut Mahathir, beberapa syarat utama yang dilaksanakan oleh IMF akan membawa kemudaratan untuk ekonomi Malaysia seperti pengurangan belanjawan negara yang bertujuan menjadikan negara mengalami hutang dan mufliis, bank dibebani dengan hutang tidak berbayar seperti *non-performing loans*, agar bank tidak dapat berfungsi dan memerlukan suntikan modal (Sivamurugan 2005:335; Zainal Abidin Hashim 2006:235).

Tindakan Mahathir menolak bantuan IMF merupakan satu keputusan yang tepat kerana langkah membuat pinjaman dengan organisasi kewangan tersebut menyebabkan kedaulatan negara dikuasai oleh badan asing secara tidak langsung. Misalnya di Indonesia tahap ekonomi di negara tersebut masih berada dalam kedudukan yang tidak stabil, manakala perkembangan ekonomi Thailand pula masih tidak menunjukkan kemajuan seperti pencapaiyang dialami oleh Malaysia. Keadaan sebaliknya berlaku apabila Mahathir menolak bantuan daripada IMF iaitu tercetusnya pergolakan politik dalam kerajaan, kerana Anwar Ibrahim mendesak campur tangan IMF dalam pemulihan ekonomi Malaysia. Perbezaan pendekatan dan pandangan di antara Mahathir dan Anwar Ibrahim merupakan punca utama pemecatan Anwar sebagai Timbalan Perdana Menteri (Milne & Mauzy 1999:144, Khoo Boo Teik 2003:21).

Meskipun Malaysia pada waktu tersebut menghadapi krisis ekonomi dan krisis politik yang getir, namun keadaan tersebut tidak membantu usaha Mahathir untuk mengembalikan kestabilan ekonomi Malaysia. Krisis tersebut telah berjaya memperkukuh kedudukan Mahathir sebagai PM kerana kejayaan

beliau memulihkan kestabilan ekonomi Malaysia telah mendapat pujian sama ada dari peringkat antarabangsa mahupun tempatan dalam menangani krisis ekonomi Asia. Pada waktu yang sama, pendekatan Mahathir juga dipilih sebagai model utama bagi negara-negara sedang membangun seperti Thailand, Myanmar, Uzbekistan, Ghana, Nigeria, Syria, Afrika Selatan dan Libya untuk membangunkan ekonomi negara mereka. Pendekatan yang dilaksanakan oleh beliau dihormati oleh negara-negara dunia ketiga, khususnya negara Islam dan menjadi model dalam penyelesaian masalah ekonomi. Justeru pergolakan ekonomi 1997 dan pergolakan politik pada tahun 1998 telah memperkukuhkan kedudukan beliau sebagai PM berbanding dengan pemimpin-pemimpin Asia Tenggara lain (Sivamurugan Pandian 2005:338).

Meskipun Mahathir berjaya menangani krisis ekonomi di Malaysia, namun amalan kronisme masih tetap berlaku. Berdasarkan kepada pendekatan yang dilakukan oleh Mahathir bagi menangani krisis ekonomi, tindakan beliau dilihat bertentangan dengan *stigmarent-seeking* yang menguntungkan sekumpulan individu sahaja kerana keadaan politik Malaysia berbeza dengan situasi politik di negara serantau Asia Tenggara. Manakala di Indonesia, amalan *rent-seeking* sememangnya membawa kemudaratan kerana kekayaan negara dikuasai oleh pemerintah dan tidak menyumbangkan kepada kebajikan rakyat sehingga melebarkan jurang kemiskinan. Sebaliknya di Malaysia, penaungan ekonomi yang diagihkan kerajaan kepada peniaga-peniaga kecil Melayu berjaya mengeluarkan kaum Melayu daripada belenggu kemiskinan. Tindakan ini menjelaskan bahawujudnya perbezaan di antara dasar yang berasaskan kepada *military leadmodernization* dan *civilian leadmodernization*.

## **Dasar-Dasar Pembangunan Ekonomi Era Soeharto dan Mahathir**

Dalam tempoh satu dekad Soeharto memimpin Indonesia, beliau berjaya mengatasi kemelut inflasi yang dihadapi negaranya, namun keadaan sebaliknya berlaku pada tahun 1997, apabila Indonesia menghadapi kemelesetan ekonomi yang terburuk. Meskipun gagal mengatasi krsisi kewangan tahun 1997 dengan baik, namun beliau telah memberi sumbangan yang besar terhadap perkembangan pembangunan di Indonesia. Rakyat Indonesia memberi penghargaan yang besar terhadap sumbangan Soeharto dalam membantu membangunkan ekonomi penduduk khususnya untuk kebajikan rakyat.

Semasa zaman pemerintahannya, Soeharto telah menubuhkan puluhan yayasan, mengumpulkan dana dan membangunkan kegiatan sosial masyarakat. Di antara yayasan-yayasan yang ditubuhkan beliau ialah seperti Yayasan Trikora (menyediakan biasiswa untuk anak-anak yatim yang kehilangan ibu bapa dalam pergolakan di Irian Barat), Yayasan Dwikora (bantuan biasiswa kepada anak-anak yatim yang kehilangan ibu bapa ketika teretusnya konfrontasi dengan Malaysia), Yayasan Seroja (bantuan biasiswa kepada anak-anak yatim yang kehilangan ibu bapa dalam peperangan di Timor

Timur), Yayasan Supersemar (biasiswa kepada pelajar-pelajar pintar yang tidak berkemampuan untuk mengikuti pendidikan di peringkat Sarjana Muda, Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah diuniversiti-universiti) (Prawiro 2004:78). Dalam sektor pertanian pula, Soeharto telah menggalakkan penglibatan rakyat dalam bidang pertanian sehinggaberjayameningkatkan pengeluaran beras sebagai eksport negara iaitu daripada 21,5 juta tan padi pada tahun 1973 kepada 40juta tan pada tahun 1985 (Prawiro 2004:78). Pencapaian tersebut disebabkan oleh dasar-dasar pertanian yang digubal oleh Soeharto yang bersifat populis seperti menurunkan harga dan memberi subsidi baja kepada. Malah selepas Soeharto meletakkan jawatan, para petani dan penduduk kampung menyatakan tahap ekonomi Indonesia lebih baik di bawah pentadbiran Soeharto berbanding selepas era reformasi.

Manakala di Malaysia, Mahathir dilihat sebagai seorang individu yang berjaya menyelamatkan ekonomi negara ini dari mengalami kemusnahan seperti yang berlaku di Indonesia. Sebagai seorang ahli politik dan pemimpin negara, Mahathir menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan dalam mengemudi pentadbiran negara khususnya pada tahun 1998 apabila Malaysia turut menerima tempias kemerosotan ekonomi serantau. Dalam tempoh empat tahun kepimpinan Mahathir sebagai PM, Malaysia mengalami pelbagai cabaran dalam sektor ekonomi ekoran daripada kejatuhan harga komoditi getah dan sawit di pasaran antarabangsa. Keadaan ini menyebabkan Mahathir bertindak menggubal semula dasar-dasar negara dengan memberi tumpuan khusus kepada mewujudkan pentadbiran bersih, cekap, amanah dan Dasar Pandang ke Timur yang bertujuan untuk memperbaiki sikap penjawat awam di Malaysia (Ahmad Atory 1998:178).

Di samping itu, Mahathir juga terkenal sebagai seorang pemimpin yang mempunyai semangat ultra Melayu. Menurut Gomez (1990:7), peruntukan khusus yang diberikan kepada kaum Melayu semasa pentadbiran Mahathir telah membuka ruang untuk berlakunya gejala rasuah yang mengekalkan penaungan politik. Meskipun terdapat ahli-ahli akademik bertindak mengkritik tindakan beliau, kejayaan Malaysia yang dirancang oleh Mahathir menyebabkan wujudnya kepelbagaian penilaian terhadap pencapaian beliau. Menurut Khoo Boo Teik (1995), Mahathir merupakan seorang pemimpin yang berjaya membentuk halatuju Malaysia dan memiliki pengaruh di peringkat antarabangsa setelah berjaya membuktikan kejayaan memulihkan ekonomi Malaysia tanpa bantuan dari pihak luar. Di peringkat domestik pula, beliau mendapat penghargaan dari pelbagai peringkat masyarakat kerana Berjaya meletakkan dirinya sebagai seorang ‘arkitek bangsa’ dalam memajukan ekonomi Bumiputera.Semangat keMelayuan Mahathir yang ketara dapat dilihat melalui perancangan konsep dasar ekonomi yang bermatlamat untuk mencipta *new class of Malay capitalist* dengan berpandukan Dasar Pandang ke Timur. Menurut Khoo Boo Teik (1995:5) penaungan terhadap sekumpulan usahawan Melayu melalui idea ‘Melayu Baru’ berjaya menjadikan rakyat

Melayu sebagai *entrepreneurship* yang memiliki kepercayaan terhadap diri sendiri dalam perniagaan. Menurut Shamsul Amri Baharuddin (1996:172003), Mahathir adalah orang yang mencintai ilmu pengetahuan dan bersandarkan kepada kejayaan masyarakat yang berilmu pengetahuan. Ini dapat dilihat melalui tindakan Mahathir yang memperuntukkan biasiswa kepada masyarakat Malaysia khususnya kaum Bumiputera yang telah melahirkan ramai pakar dalam pelbagai bidang kerjaya.

Di samping itu, kadar tenaga kerja orang Melayu golongan kelas menengah meningkat daripada 12.9 peratus pada 1970 kepada 27 peratus pada tahun 1990. Peningkatan ini adalah kerana dasar pendidikan kerajaan yang mendorong dan menggalakkan kaum bumiputera untuk meneruskan pengajian sehingga ke peringkat yang paling tinggi. Kesempatan ini telah melahirkan kelas pekerja terdidik yang dikategorikan sebagai golongan kelas menengah. Dari segi aspek pengangguran pula, pada tahun 1976, kadar pengangguran menurun daripada 37.3 peratus kepada 20.7 peratus pada tahun 1984 dan pada akhir era DEB (tahun 1990), kadar pengangguran terus menurun sehingga mencecah 5.1 peratus. Faktor penurunan kadar pengangguran adalah disebabkan oleh dasar dan peraturan kerajaan yang mewajibkan kilang-kilang untuk menerima kaum Melayu bekerja dan juga kerana penyerapan bilangan pegawai Melayu untuk bekerja dalam sektor kerajaan. Selain itu, kemudahan pinjaman modal juga turut meningkatkan keupayaan persaingan usahawan Melayu dalam dunia perniagaan yang turut berkait rapat dengan penurunan kadar pengangguran. Pinjaman modal yang diagihkan oleh kerajaan lebih ditumpukan kepada industri kecil dan sederhana (IKS) seperti perdagangan, pengangkutan dan lainnya. Di samping itu, pinjaman juga diberikan kepada usahawan Melayu yang bekerja di sektor perbankan, perlombongan, perkilangan dan lainnya (Hajrudin 2003:56).

Dari aspek pendidikan, kerajaan telah mewujudkan pelbagai institusi pengajian termasuk sekolah rendah, menengah dan berasrama, universiti) yang telah didirikan dan dilengkapi dengan guru serta pensyarah yang berkelayakan. Dalam konteks ini, MARA (Majlis Amanah Rakyat) yang ditubuhkan untuk membela nasib orang Melayu merintis jalan dengan membina Sekolah Menengah Rendah Sains MARA dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) untuk menampung pelajar bumiputera yang cemerlang. Selain itu, manifestasi perkembangan ekonomi dan pembangunan yang semakin berjaya di Malaysia dapat dilihat melalui peluang yang luas pada orang Melayu untuk belajar di universiti dan seterusnya memperolehi peluang pekerjaan yang mudah.

## **Kesimpulan**

Dalam negara yang sedang mencari jati diri, idea-idea cemerlang diperlukan untuk mencapai tahap pembangunan ekonomi. Selain itu, pemerintah yang berorientasikan kepada matlamat untuk memajukan negara mempengaruhi



proses untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara. Keadaan ini dapat dilihat ketika krisis ekonomi 1997 apabila kroni-kroni Orde Baru masing-masing berusaha untuk menyelamatkan modal yang dilaburkan oleh mereka. Keadaan ini memberikan gambaran yang jelas terhadap tindakan-tindakan kroni Orde Baru yang berusaha mengaut keuntungan dan membiarkan krisis ekonomi ditanggung oleh rakyat keseluruhannya.

Perkembangan ekonomi Indonesia yang semakin meleset menyebabkan bantuan kewangan telah dipohon oleh kerajaan daripada IMF yang sebenarnya menambahkan lagi masalah yang sedia ada. Oleh itu, keadaan politik dan ekonomi yang semakin tidak stabil telah menyebabkan rakyat bangkit menentang pentadbiran Orde Baru dengan menganjurkan tunjuk perasaan untuk menuntut perubahan dalam sektor ekonomi-politik dan mendesak pengunduran Soeharto. Keadaan yang tidak dapat dikawal ini akhirnya mengakibatkan berlakunya rusuhan antara pihak tentera dengan rakyat sehingga menjejaskan keamanan negara. Akhirnya Soeharto mengundurkan diri dari jawatan Presiden Indonesia.

Namun, keadaan sebaliknya berlaku di Malaysia apabila pencapaian dalam sektor ekonomi dan pembangunan adalah hasil daripada pemerintahan autokratik yang dipraktikkan oleh Mahathir untuk mewujudkan kestabilan politik. Ketika krisis ekonomi 1997 melanda Malaysia, pelbagai dasar dan tindakan telah dilakukan oleh kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara. Misalnya, tindakan Mahathir yang menolak bantuan IMF dan melaksanakan kawalan ketat terhadap kemasukan matawang asing. Tindakan beliau telah berjaya membawa Malaysia keluar dari masalah ekonomi dan pada waktu yang sama melegitimasi kuasa yang dipegang olehnya hasil sokongan daripada rakyat di atas kejayaan beliau tersebut. Keberanian Mahathir untuk meredah halangan bagi membangunkan ekonomi negara dapat dilihat melalui tindakannya semasa krisis ekonomi melanda Malaysia pada tahun 1997 apabila beliau tetap memberi tumpuan kepada hubungan Malaysia-Jepun dalam bidang industri sehingga berjaya membantu negara ini keluar dari belenggu masalah kewangan.

## Rujukan

- Abdul Rahman Embong. 2005. *Development and well-being*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aditjondro, G. J. 2006. *Korupsi kepresidenan: Reproduksi oligarki berkaki tiga: Istana, tangsi, dan partai penguasa*. Yogyakarta: LKiS Yogyakarta.
- Ahmad Atory Hussain. 1998. *Reformasi pentadbiran di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arndt, H.W. 1990. *Pembangunan ekonomi Indonesia: Andangan seorang tetangga*. Yogyakarta: Gajah Mada University Press.
- Ariel, Heryanto & Sumit, K. Mandal. 2003. *Challenging authoritarianism in*

- Southeast Asia: comparing Indonesia and Malaysia*, 1-23. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Bachriadi, Dianto & Lucas, Anton. 2001. *Merampas tanah rakyat: Kasus Tapos dan Cimacan*. Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia bekerjasama dengan Yayasan Adikarya IKAPI dan Ford Foundation.
- Baskara, T. Wardaya. 2007. *Menguak misteri kekuasaan Soeharto*. Yogyakarta: Galangpress.
- Chamhuri Siwar & Surtahman Kastin Hasan. 1999. *Ekonomi Malaysia*. Petaling Jaya: Pearson.
- Chamil Wariya. 2005. *Naik, jatuh dan bangun semula*. Petaling Jaya: Marshall Cavendish.
- Daniel Dhakidae. 2003. *Cendekiawan dan kekuasaan dalam negara Orde Baru*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Deliarnov. 2006. *Ekonomi Politik*. Jakarta: Penerbit Erlangga.
- Dwipayana, G & Ramadhan, K.H. 1989. *Soeharto: pikiran, ucapan dan tindakan saya*. Jakarta, Citra LamtoroGung Persada.
- Easter, D. 2004. *Britain and the confrontation with Indonesia, 1961-1965*. London: Routledge.
- Elson, R. E. 2001. *Suharto: apolitical biography*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Emmerson, D.K. 2001. *Indonesia beyond Soeharto: Negara, ekonomi, masyarakat, transisi*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Ernalia, Sri Bintang. 2004. *Menggugat dakwaan subversi*. Jakarta: Granit.
- Funston, J. 1999. *Political careers of Mahathir Mohamad and Anwar Ibrahim: parallel, intersecting and conflicting lives*. Bangi: IKMAS.
- Gomez, E. Terence. & Jomo K. S. 1997. *Malaysia's political economy, politics patronage and profits*. London: Cambridge University Press.
- Hajrudin Somun. 2003. *Mahathir: The secret of the Malaysian success*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- HidayatHerman. 2008. *Politik lingkungan: pengelolaan hutan masa Orde Baru dan reformasi*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Hill, H. 1996. *Transformasi ekonomi Indonesia sejak 1966*. PT Tiara Wacana: Yogyakarta.
- Hilley, J. 2008. *Malaysia: Mahathirisme, hegemoni dan pembangkang baru*. Kuala Lumpur: Percetakan Halim.
- Hollinger, W.C. 1996. *Economic policy under President Soeharto: Indonesia's twenty-five years record*. Washington, D.C: United States-Indonesia Society.
- Jomo, K.S. 1989. *Dasar-dasar ekonomi Mahathir*. Ed. keempat. Petaling Jaya: Institut Analisa Sosial.
- Jomo, K.S. 2003. *M way: Mahathir's economics legacy*. Petaling Jaya: Forum.
- Junaidi Abu Bakar. 2006. *Protection on labor's rights regarding industrial*

- accidents in Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Kasiyanto, M. J & Christianto Wibisono.1999. *Mengapa Orde Baru gagal?*Jakarta: Cakra Media.
- Khoo Boo Teik. 1995. *Paradoxes of Mahathirism: An intellectual biography of Mahathir Mohamad*. Oxford: Oxford University Press.
- Kuncoro, M. 2007. *Ekonomika industri Indonesia, menuju negara industri 2030*. Yogyakarta: Andi.
- Manning, C.& Van, D. P. 2000.*Indonesia di tengah transisi*. Yogyakarta: LkiS.
- Milne, R. S.& Mauzy, D.K. 1999. *Malaysian politics under Mahathir*. London: Routledge.
- Moeljarto Tjokrowinoto. 2007. *Pembangunan: Dilema dan tantangan*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Mohtar Mas' oed. 1998. *Ekonomi dan sruktur politik Orde Baru 1966-1971*. Jakarta: LP3S.
- Ooi Kee Beng. 2006. *Era of transition Malaysia after Mahathir*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Pope, Jeremy. 2003. *Strategi memberantas korupsi: elemen sistem integritas nasional*. Jakarta:Yayasan Obor Indonesia.
- Prawiro Radius. 2004. *Pergulatan Indonesia membangun ekonomi:pragmatisme dalam aksi*. Jakarta: Primamedia.
- Praktiknya, A. W. 1999. *Pandangan dan langkah reformasi B.J Habibie*. Jakarta: Raja Grafindo.
- Revrison, B. 2004. *Drama ekonomi Indonesia: belajar dari kegagalan ekonomi Orde Baru*. Yogyakarta: Kreasi Wacana.
- Robert, E.E. 2001.*Suharto: a political biography*. Brisbane: University of Queensland Press.
- Said Zainal Abidin.2008. *Strategi kebijakan dalam pembangunan dan ekonomi politik*.Jakarta:Suara Bebas.
- Samsul Hadi. 2007. *Strategi pembangunan Indonesia pasca IMF*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Samsul Hadi. 2005. *Strategi pembangunan Mahathir & Soeharto: politik industrialisasi dan modal Jepang di Malaysia dan Indonesia*. Jakarta: Pelangi Cendekia.
- Shamsul, A.B. 1996. The construction and transformation of a social identity: Malayness and bumiputraness re-examined. *Journal of Asian and African Studies*52: 15-31.
- Sity Daud. 2006. Negara dan ideologi pembangunan. Dlm. Gazali Mahyudin. (pnyt). *Demokrasi Kepimpinan dan Keselamatan dalam Politik Malaysia*. 152-171. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sivamurugan Pandian. 2003. *Abdullah Ahmad Badawi:Jalan ke puncak*. Kuala Lumpur:Utusan Publications & Distributions.
- Soempeno, Femi A. 2009. *Prabowo dari Cijantung bergerak ke istana*. Yogyakarta: Penerbit Galang Press.

- Sulastomo. 2008. *Hari-hari yang panjang transisi Orde Lama ke Orde Baru: sebuah memoir*. Jakarta: Kompas Media Nusantara.
- Trijono Lambang. 2007. *Pembangunan sebagai perdamain: Rekontruksi Indonesia Fasca-kompik*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Vatikiotis, M. R. J. 1998. *Indonesian politics under Soeharto: The rise and fall of the New Order*. London: Routledge.
- Word, Bank. 2001. *Indonesia: environment and natural resource management in a time of transition*. Washington, D.C.: World Bank.
- Yahya Muhaimin. 1990. *Bisnis dan politik: Kebijakan ekonomi Indonesia 1950-1980*. Jakarta: LP3ES.
- Zainal Abidin Hashim. 2006. Pemulihan sektor hartanah kediaman dan perdagangan. Dlm. Ishak Yussof, Nor Aini Idris & Basri Abdul Talib (pnyt). *Ekonomi Malaysia ke arah pascaindustri*, 254-270. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

### **Nota Biografi**

Lajim Ukin (lajimukin@yahoo.com) sedang mengikuti kursus sarjana Sains Politik di Universiti Putra Malaysia. Bidang penyelidikan beliau ialah pembangunan politik di Malaysia dan Indonesia.

Dori Efendi (doriefendi@yahoo.com) memperolehi ijazah pertamanya dalam bidang sains politik dari Universitas Muhammadiyah, Yogyakarta dan ijazah sarjananya dari Universiti Kebangsaan Malaysia dalam bidang yang sama. Sekarang ini, beliau sedang menyiapkan penyelidikan PhDnya tentang gerakan sosial dan pendemokrasian politik di Indonesia dan Malaysia di Universiti Putra Malaysia.

Zaid Ahmad (zayyadal@hotmail.com) berkelulusan PhD dalam bidang falsafah dari University of Manchester. Sekarang beliau adalah profesor madya dan juga Dekan di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia. Bidang penyelidikan beliau adalah falsafah politik dan ketamadunan.